

03 NOV 1996

Najib

NAJIB GESA PENUBUHAN "PENGHUBUNG" DI KALANGAN NEGARA

By: Neville D'Cruz

SYDNEY, 3 Nov (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa diwujudkan "rangkaian penghubung" di kalangan negara Asia agar negara-negara berkenaan dapat mengenali nilai sejarah, tradisi dan budaya antara satu sama lain dengan lebih baik.

Seseorang dapat menemui banyak tamadun di kalangan masyarakat Asia -- Melayu/Islam, Cina, India dan lain-lain. Justeru itu, perlu ada rangkaian bagi menghubungkan tamadun-tamadun ini.

"Kira perlu membina penghubung utama bagi menghubungkan tamadun Asia yang besar dengan yang lain, seperti tamadun Barat. Ini kerana tidak ada tamadun yang berkembang tanpa pengaruh dari yang lain," kata beliau.

Najib berkata demikian ketika berucap pada Ceramah Asia ke-18 di Riz-Carlton Hotel di Double Bay, Sydney.

Ketika berucap atas tajuk "Nilai-nilai Asia", Najib yang juga pengerusi Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia berkata walaupun perdebatan mengenai nilai Asia memberi implikasi antarabangsa, ia lebih berupa perdebatan dalam lingkungan negara Asia.

Najib berkata dilema moralnya ialah mengenai apa yang harus dilakukan dan bagaimana masyarakat harus dibentuk.

"Ini ialah antara persoalan rumit yang harus dihadapi, baik oleh kerajaan mahupun masyarakat," katanya.

Najib berkata jurang perbezaan persefahaman di kalangan budaya masih lua.

"Di kalangan negara Asia pun, terdapat perasaan curiga di kalangan negara. Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) tidak lama dahulu menyebut tentang hakikat bahawa sesetengah negara Asia lebih mempercayai rakyat bukan Asia daripada masyarakat Asia sendiri.

Ini jelas terbukti di beberapa kawasan di ratau berkenaan. Oleh itu, persefahaman di kalangan negara-negara Asia perlu dipertingkatkan.

Najib berkata oleh kerana proses itu mengambil masa "kita perlu mempersiapkan diri dalam gedung ilmu...kerana ilmu pengetahuan dapat merapatkan jurang kejahilan.

Beliau berkata dialog, budaya dan lain-lain yang berkaitan harus digalakkan.

Najib berkata beliau mahu melihat "pengharmonian tamadun" melalui persefahaman dan penggunaan dialog sebagai alat kerana ini lebih baik daripada menggunakan kuasa tradisional. -- BERNAMA

NDC ABG FAZ